

UNTUK SIARAN SEGERA

29 OKTOBER 2018

**MERANGSANG PERTUMBUHAN INDUSTRI KREATIF TEMPATAN
BANDAR WARISAN MELALUI PROMOSI ASET BUDAYA
DAN NILAI TAPAK WARISAN DUNIA**

GEORGE TOWN: Industri kreatif tempatan bagi Tapak Warisan Dunia Melaka dan George Town serta Vigan, Filipina dijangka dapat disemarakkan melalui pelaksanaan projek perintis yang bertujuan untuk mempromosikan aset-aset budaya dalam rangkaian Tapak Warisan Dunia, muzium dan pusat informasi.

Satu bengkel awalan yang dilaksanakan di bawah projek “UNESCO Sub-Regional Bengkel Awalan yang Menghubungkan Tapak Warisan Dunia dan Aset Budaya Tempatan Melalui Muzium, Pusat Informasi dan Industri Kreatif” telah diadakan selama 3 hari, iaitu 29 hingga 31 Oktober 2018 di Bayview Hotel George Town, Pulau Pinang. Bengkel ini telah mengumpulkan agensi pelaksana dari semua tapak dengan melibatkan kerajaan tempatan dan pihak muzium yang berperanan sebagai agensi perintis bagi projek ini.

Bengkel ini dianjurkan oleh George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) bersama dengan Pejabat UNESCO di Jakarta, dengan kerjasama Pusat Warisan Dunia - Unit Asia dan Pasifik, dan sokongan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan dibiayai oleh Japanese Funds-in-Trust (JFIT).

Pengurus Besar GTWHI, Dr Ang Ming Chee berkata, aset budaya yang terdapat di bandar warisan akan lebih dihargai dan dihayati serta dapat membantu dalam penjana pendapatan yang lebih mampan untuk komuniti tempatan jika strategi dan insentif yang komprehensif disediakan.

“Bengkel awalan ini berperanan sebagai pemangkin idea dan kami mengharapkan perkongsian serta pertukaran informasi, pengalaman mahupun pengetahuan akan dilakukan di kalangan peserta. Daya inovasi dan usaha penambahbaikan amat diperlukan dalam melaksanakan perusahaan ini. Aset budaya mempunyai potensi yang besar untuk dibangunkan dalam industri kreatif budaya.

“Kami memahami bahawa pembangunan dan penjenamaan akan berhadapan dengan pelbagai kerumitan. Walaubagaimanapun, kami akan tetap meneruskan kesaksamaan sepanjang proses mengenalpasti potensi aset budaya tempatan tanpa mengeksploitasikan aset tradisional tersebut hanya bertujuan untuk komersial,” beliau berkata.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian, Yang Berhormat Tuan Yeoh Soon Hin merasmikan bengkel ini pada hari Isnin, 29 Oktober 2018. Yang turut hadir, Ketua Unit Kebudayaan Pejabat UNESCO di Jakarta, Moe Chiba, Pusat Warisan Dunia, Nao Hayashi, Konsul Jeneral Jepun di Pulau Pinang, Shinichiro Kanoya dan Datuk Bandar Kerajaan Bandar Vigan, Juan Carlo S. Medina.



**GEORGE
TOWN**
WORLD
HERITAGE
INCORPORATED

George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) 899127-U
116 & 118, Lebuh Aceh, 10200 George Town,
Pulau Pinang, Malaysia.
T: +604 261 6606 • F: +604 261 6605
www.gtwhi.com.my



MELAKA & GEORGE TOWN
Historic Cities of
the Straits of Malacca

Selain daripada mewujudkan perkongsian dan perbincangan dengan barisan penceramah, peserta juga mengadakan lawatan tapak yang bertujuan untuk menerokai aset budaya warisan hidup di kawasan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.

/tamat

Perhubungan Media:
Josephine Jalleh
Pengurus Bahagian Komunikasi dan Kolaborasi
George Town World Heritage Incorporated
T: 04-261 6606 / 017-446 5366
E: josephine@gtwhi.com.my